

ENAM JAM UNTUK PRODUKTIVITI YANG LEBIH BAIK?

Cadangan agar tempoh bekerja penjawat awam dikurangkan kepada enam jam sehari daripada lapan jam pada masa ini ternyata menimbulkan polemik. Dalam kalangan penjawat awam, rata-rata mereka menyambut baik cadangan tersebut, namun tidak bagi Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang awal-awal lagi menolak cadangan tersebut.

NURUL MUHAMINAH MUTALIB

Menurut Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, mereka yang bersetuju dengan cadangan tersebut dikategorikan sebagai pekerja yang malas. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau percaya bahawa dalam kalangan penjawat awam, tiada seorang pun yang bekerja secara berterusan untuk tempoh lapan jam. Hal ini mengambil kira waktu rehat, iaitu minum kopi, atau keluar untuk mengambil anak pulang dari sekolah dan hal lain. Oleh itu, Datuk Azih menegaskan bahawa cadangan tersebut tidak relevan. Yang pasti, jika cadangan tersebut dilaksanakan, pekerja yang menerima kesan langsung sudah pasti pekerja yang dibayar mengikut jam bekerja.

Begitu pun, wujud banyak pandangan yang berbeza-beza terhadap cadangan waktu kerja enam jam penjawat awam. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim, yakin bahawa cadangan tersebut akan memberikan manfaat kepada keluarga penjawat awam. Datuk Rohani turut optimis bahawa mengurangkan keberadaan di pejabat tidak semestinya menjejaskan produktiviti. Baginya, yang penting kerja tersebut dapat disiapkan mengikut kualiti yang ditetapkan serta tidak lari daripada kehendak majikan.

Perdebatan tentang cadangan tersebut timbul apabila pada September lalu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan agar waktu bekerja selama enam jam sehari diperkenalkan bagi menggantikan tempoh bekerja selama lapan jam yang diamalkan oleh penjawat awam sekarang. Setiausaha Agung MTUC, N.Gopal Kishnam, meminta kerajaan menimbang cadangan tersebut untuk manfaat pekerja dan pembangunan negara.

Beliau percaya bilangan jam bekerja selama enam jam akan memberikan kebaikan kepada pekerja. Apabila pekerja mendapat rehat yang cukup, mereka akan kembali bekerja pada keesokan harinya dengan lebih bertenaga dan hal ini seterusnya akan meningkatkan produktiviti mereka di tempat bekerja.

Sebagai respons awal terhadap cadangan tersebut, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, menjelaskan bahawa cadangan mengurangkan tempoh bekerja penjawat awam kepada enam jam sehari perlu penelitian yang lebih mendalam.

"Sebenarnya ada beberapa agensi kerajaan, terutama di Pusat Transformasi Bandar (UTC), yang mempunyai syif kerja selama 14 jam dan mereka dibahagikan kepada dua syif, iaitu tujuh jam bagi setiap kakitangan. Memang tempoh bekerja yang pendek telah diamalkan. Walau bagaimanapun, kita akan kaji terlebih

dahulu jika perlu tempoh bekerja enam jam dilaksanakan pada semua peringkat jabatan," ujar beliau kepada media tempatan pada September lalu.

Pada hakikatnya, beberapa buah negara di rantau ASEAN telah mengambil langkah menurunkan bilangan jam bekerja daripada 48 jam kepada 40 jam seminggu (lima hari). Menurut Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), Amerika Syarikat (AS), mempunyai purata bekerja sebanyak 34.40 jam seminggu, iaitu kurang daripada tujuh jam sehari. Dalam hal ini, AS berada pada kedudukan ke-16 sebagai negara tempoh bekerja paling lama untuk tempoh seminggu di dunia. Jumlah ini jauh berbeza daripada Jerman (26.37 jam), Sweden (30.94 jam), dan Jepun (33.25 jam).

Jadual 1 Purata jam bekerja (seminggu) mengikut negara (2014).

Kedudukan	Negara	Tempoh Jam Bekerja
1	Mexico	42.85
2	Costa Rica	42.62
3	Korea	40.85
4	Greece	39.27
5	Chile	38.27
6	Rusia	38.17
7	Latvia	37.27
8	Poland	36.98
9	Iceland	35.85
10	Estonia	35.75
11	Hungary	35.73
12	Portugal	35.71
13	Israel	35.63
14	Lithuania	35.27
15	Ireland	35.02
16	Amerika Syarikat	34.40
17	Republik Czech	34.15
18	Slovakia	33.90
19	New Zealand	33.88
20	Itali	33.35
21	Jepun	33.25
22	Kanada	32.77
23	Spain	32.48
24	United Kingdom	32.25
25	Australia	32.00
26	Finland	31.63
27	Luxembourg	31.60
28	Austria	31.33

29	Sweden	30.94
30	Switzerland	30.15
31	Slovenia	30.02
32	Perancis	28.33
33	Denmark	27.62
34	Norway	27.44
35	Netherlands	27.40
36	Jerman	26.37

Bagi kebanyakan negara maju, seperti Switzerland, Norway, Jerman dan Denmark (tempoh bekerja kurang daripada enam jam), waktu bekerja akan dioptimalkan pada tahap yang maksimum untuk memastikan produktiviti pekerja ketika mereka berada di pejabat sentiasa selari dengan tempoh yang diberikan. Dalam hal ini, organisasi berhak sepenuhnya memastikan waktu bekerja untuk bekerja dan kepuasan organisasi dan pelanggan sentiasa diutamakan.

Undang-undang pekerja di negara yang terlibat turut melindungi hak pekerja untuk meninggalkan pejabat sebaik-baik sahaja tempoh jam bekerja tamat. Bukan sesuatu yang luar biasa apabila pekerja disaman oleh majikan kerana bekerja selepas waktu bekerja tamat. Pada cuti umum, pekerja dilarang untuk bekerja, kecuali mereka yang bekerja mengikut syif. Sekiranya terdapat majikan yang melarang pekerja meninggalkan pejabat sebaik-baik waktu bekerja tamat, pekerja yang terlibat boleh membuat aduan kepada persatuan pekerja dan kes sedemikian sentiasa memihak kepada pekerja.

Satu daripada faktor yang mendorong pengurangan waktu bekerja (kurang daripada enam jam sehari) yang diamalkan oleh kebanyakan negara maju adalah untuk mencapai kualiti hidup rakyat agar lebih banyak masa dapat digunakan untuk bersama-sama keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya pekerja dapat meluangkan lebih banyak masa bersama-sama keluarga, maka bukan sahaja pekerja yang produktif dapat dihasilkan, tetapi rakyat secara keseluruhannya, khususnya bagi melahirkan generasi muda yang lebih berkualiti.

Sudah tentu cadangan pengurangan waktu bekerja daripada lapan jam kepada enam jam untuk kakitangan awam di negara ini adalah untuk mencapai matlamat yang sama. Benar, sekiranya cadangan tersebut diterima oleh kerajaan, pelaksanaannya sudah pasti perlu disusuli kajian yang lebih mendalam. Untuk mencapai negara maju menjelang tahun 2020, sebagai tulang belakang negara, sudah tentu kakitangan awam memainkan peranan dan tanggungjawab yang bukan sedikit kerana Malaysia memerlukan pekerja yang berkualiti, berdaya saing dan inovatif. 